

AKTA MAJLIS PENETAPAN GAJI 1947

Akta ini memperuntukan bagi penubuhan sebuah Majlis Penetapan Gaji dan memberi kuasa kepada Majlis tersebut membuat perintah gaji minimum bagi kategori-kategori pekerja di sektor-sektor pekerjaan tertentu yang difikirkan perlu untuk dilindungi. Pada masa sekarang terdapat perintah peraturan gaji minimum seperti berikut:

1. Perintah Peraturan Gaji (Pembantu-Pembantu Kedai) 1981

- Peraturan mengenai gaji minimum dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pembantu kedai. Kadar gaji minimum ditetapkan mengikut kawasan.
- Perintah ini terpakai di semua Majlis Daerah, Majlis Bandaran, Majlis Perbandaran dan Dewan Bandaraya.
- Perniagaan yang tertakluk kepada perintah ini adalah seperti yang menjalankan jualan runcit, pajak gadai, tukang gunting, kedai dobi, jurugaya dan apa-apa perniagaan yang berdampingan dengan premis di mana jualan runcit dijalankan

2. Perintah Peraturan Gaji (Perhidangan Dan Hotel)

- Mengenai kadar upah dan syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja perhidangan dan hotel. Kadar yang ditetapkan adalah mengikut umur pekerja.
- Perintah ini terpakai di semua Majlis Perbandaran dan Dewan Bandaraya
- Meliputi perniagaan membekalkan makanan, minuman kepada orang ramai di premis termasuk kedai kopi, kedai makan, hotel, rumah penginapan, restoran dan premis yang digunakan untuk menjual minuman keras.

3. Perintah Peraturan Gaji (Pekerja-Pekerja Wayang Gambar) 1981.

- Mengenai kadar gaji minimum dan syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja wayang gambar yang ditetapkan mengikut kategori-kategori tertentu.
- Perintah ini terpakai di semua tempat di Semenanjung Malaysia.
- Pekerja yang diliputi: penjual tiket, operator, mekanik, juruteknik dan penulis poster.

4. Perintah Peraturan Gaji (Pemunggaan Dan Pengendalian Kargo) Pelabuhan Pulau Pinang.

- Mengenai kadar upah, syarat perkhidmatan dan waktu kerja bagi pekerja pemunggaan dan pengendali kargo di Pelabuhan Pulau Pinang.
- Perintah ini terpakai kepada pekerja-pekerja Pelabuhan Pulau Pinang sahaja.
- Kadar gaji ditetapkan mengikut syif.